Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 9(1): 11 - 19 (2001)

ISSN: 0128-7702
© Universiti Putra Malaysia Press

# Pembangunan Ekonomi, Agihan Pendapatan dan Hipotesis U-Terbalik Kuznets: Penilaian Semula

RAHMAH ISMAIL
*Jabatan Ekonomi Pembangunan*
*Fakulti Ekonomi*
*Universiti Kebangsaan Malaysia*
*43600 UKM, Bangi, Selangor*

**Keywords: Pembangunan ekonomi, agihan pendapatan, Hipotesis U-Terbalik, pekali Gini, Human Development Index**

## ABSTRAK

Semenjak Simon Kuznets mengemukakan Hipotesis U-Terbalik Kuznets pada tahun 1955, ramai pengkaji telah membuktikan kebenaran hipotesis ini. Hipotesis ini sebenarnya menghubungkan agihan pendapatan dengan tahap pembangunan negara dan mendapati bahawa hubungannya berbentuk U-Terbalik. Ini menunjukkan agihan pendapatan menjadi semakin tidak seimbang di peringkat awal pembangunan dan semakin seimbang apabila tahap pembangunan yang lebih tinggi dicapai. Pengukuran pembangunan yang digunakan oleh Kuznets dan pengkaji-pengkaji selepasnya adalah secara tradisional iaitu berdasarkan tingkat Keluaran Negara Kasar (KNK) atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita. Namun demikian pengukuran ini tidak dapat mencerminkan pembangunan sebenar kerana berdasarkan indikator ekonomi semata-mata. Konsep pembangunan yang lebih baik seharusnya merangkumi indikator-indikator sosial seperti kadar celik huruf, tingkat pendidikan, kesihatan, perumahan dan kemudahan-kemudahan sosial yang lain. Pengukuran terkini pembangunan telah dilakukan oleh United Nations dengan membentuk Human Development Index (HDI). Artikel ini cuba menganalisis semula hipotesis U-Terbalik Kuznets secara menghubungkan agihan pendapatan dengan HDI. Keputusan analisis ini kemudiannya akan dibandingkan dengan pendekatan Kuznets. Artikel ini juga cuba mengutarakan faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi agihan pendapatan sesebuah negara.

## ABSTRACT

Since Simon Kuznets revealed his Inverted-U Hypothesis in 1955, many researchers have proven that this hypothesis was correct. This hypothesis actually looked at the relationship between income distribution and stage of development and argued that the relationship followed an inverted-U. This is to say income distribution becomes more unequal at the early stage of development and more equal when level of development rised. Kuznets and other researchers after him used the traditional concept of development, which was based on the Gross National Product (GNP) or the Gross Domestic Product (GDP) percapita. Nevertheless, this measure cannot represent the real development because it is merely based on the economic indicator. A better definition of development must include social indicators like literacy rate, educational attainment, health, housing and other social infrastructures. The United Nations did the recent measure of development by constructing the Human Development Index (HDI). This article attempts to re analyse the Kuznets Inverted-U Hupothesis by looking at the relationship between income distribution and HDI. The results from this analysis are then compared with the results using the Kuznets approach. Further, this article axamines other determinant factors of income distribution.

## PENGENALAN

Hipotesis U-Terbalik Kuznets (1955, 1963) menerangkan bahawa ketidakseimbangan agihan pendapatan meningkat di awal pembangunan, kemudian menurun setelah proses pembangunan berlanjutan. Banyak kajian telah dilakukan untuk menguji hipotesis ini dan terdapat kajian yang menyokong hipotesis ini (Ahluwalia 1976; Compano & Salvatore 1988; Hassan & Rahmah 1996; Summers & Heston 1991; Gillis, Perkin, Roemer & Snodgrass 1996) dan terdapat pula yang menolaknya (Saith 1983; Field & Jakubson 1992).

Dalam menguji hipotesis Kuznets, kebanyakan kajian menggunakan data keratan lintang secara mengambil data pelbagai negara dengan pelbagai tingkat pembangunan (Kuznets 1963; Paukert 1973; Ahluwalia 1976, Summers, Kravis & Hetson 1984 dipetik dari Greenwoods & Jovanovic 1990). Pengukuran agihan pendapatan boleh menggunakan pekali Gini atau bahagian pendapatan kumpulan penduduk mengikut tingkat kekayaan seperti 20% terkaya, 40% sederhana dan 40% termiskin. Kedua-dua pembolehubah ini (pekali Gini dan bahagian pendapatan) digunakan sebagai pembolehubah bersandar dan dihubungkan kepada pembolehubah bebas yang diukur oleh pendapatan per kapita. Disebabkan hubungan antara agihan pendapatan dengan pendapatan per kapita bukan berbentuk linear maka pendapatan per kapita diukur dalam bentuk natural logaritma. Bagi mengukur kesan lanjut proses pembangunan maka natural logaritma bagi pendapatan diaplikasikan sehingga kuasa dua. Persamaan yang lazim digunakan bagi menguji hipotesis U-Terbalik Kuznets boleh ditulis seperti di bawah:

$$G = \beta_{o+}\beta_1 \log\frac{Y}{P} + \beta_2 \left(\log\frac{Y}{P}\right)^2 + \mu$$

dengan

G = pekali Gini
$Y$ = keluaran dalam negara kasar per kapita
$P$ atau keluaran negara kasar per kapita
$\mu$ = error term

Sekiranya hipotesis Kuznets benar, maka nilai $\beta_1$ menjadi posistif, manakala nilai $\beta_2$ adalah negatif. Ini bermakna bila pendapatan per kapita meningkat pada mulanya, pekali Gini turut meningkat yang menunjukkan agihan pendapatan menjadi lebih tidak seimbang. Tetapi setelah pendapatan per kapita meningkat lagi ditunjukkan oleh $\log\left(\log\frac{Y}{P}\right)^2$ maka nilai pekali Gini jatuh yang menunjukkan agihan pendapatan menjadi lebih seimbang.

Sekiranya ukuran agihan pendapatan menggunakan bahagian pendapatan kumpulan tertentu, maka keputusan yang menyokong hipotesis U-Terbalik Kuznets dapat ditunjukkan daripada nilai $\beta_1$ dan $\beta_2$. Contohnya kita menganggarkan persamaan regresi bagi pendapatan 20% terkaya atau

$$K_{20}\beta_o + \beta_1 \log\frac{Y}{P} + \beta_2 \left(\log\frac{Y}{P}\right)^2 + \mu$$

maka $\beta_1$ mestilah bernilai positif dan $\beta_2$ bernilai negatif untuk memenuhi hipotesis Kuznets.

Tetapi bagi bahagian pendapatan penduduk 40%, sederhana dan 40% termiskin, bagi memenuhi hipotesis Kuznets, nilai $\beta_1$ adalah negatif dan $\beta_2$ adalah positif. Keputusan-keputusan ini menunjukkan di awal pembangunan bahagian pendapatan yang dimiliki penduduk terkaya meningkat tetapi bila pendapatan per kapita meningkat lagi milikan pendapatan mereka jatuh. Sebaliknya bagi golongan pertengahan dan bawahan bahagian pendapatan mereka di awal pembangunan menurun dan meningkat bila proses pembangunan terus berlaku.

Kesukaran mendapatkan data siri masa, menyebabkan ramai penyelidik menggunakan data keratan rentas bagi menguji hipotesis Kuznets. Walau bagaimanapun untuk menguji hipotesis ini bagi satu negara, data siri masa perlu digunakan dan ianya lebih bermakna (Ahluwalia 1976). Dalam hubungan ini Hassan dan Rahmah (1996) telah menggunakan data Malaysia dan membuktikan kebenaran Hipotesis U-Terbalik Kuznets. Agihan pendapatan di Malaysia meningkat pada awal pembangunan iaitu dari tahun 1956/1957 hingga 1976 apabila agihan paling tak seimbang dicapai. Selepas 1976, pekali Gini menurun hingga 1990 tetapi meningkat semula selepas 1990. Ini bermakna Malaysia sudah selesai satu pusingan hipotesis U-Terbalik Kuznets dan sekarang memasuki pusingan kedua. Pengalaman Malaysia ini membuktikan bahawa hipotesis Kuznets tidak stabil dan negara boleh mengalaminya hingga beberapa pusingan.

Pengalaman negara lain seperti Korea Selatan dan Taiwan tidak menyokong hipotesis Kuznets. Agihan pendapatan mereka menuju ke arah lebih seimbang di sepanjang pengalaman pembangunan kedua-dua negara ini. Pengalaman di Indonesia pula berbeza di luar bandar dan bandar. Hipotesis U-Terbalik Kuznets hanya berlaku di kawasan bandar (Gillis *et al.* 1996; Pardamean 1993). Pengalaman Amerika Syarikat menunjukkan agihan pendapatan lebih sama rata 25 tahun selepas Perang Dunia Kedua (PD2) tetapi menjadi tidak seimbang bermula 1973 dan mencapai kemuncaknya pada dekad 1980-an (Daly, Crews & Burkhauser 1997).

Apa yang berlaku di Amerika Syarikat dalam dekad 1980-an adalah peningkatan kemiskinan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan dan kejatuhan dalam pendapatan golongan pertengahan yang menunjukkan pertumbuhan ekonomi hanya memberi manfaat kepada golongan kaya (Duncan, Smeeding & Rodger 1992). Lindert dan Williamson (1985 dipetik dari Greenwood & Jovanovic 1990) mendapati pengalaman British sejak 1988 menyokong hipotesis Kuznets dengan ketidakseimbangan agihan pendapatan meningkat semasa Revolusi Industri kemudian menurun pada abad ke-19.

Kebanyakan kajian dengan menggunakan data keratan rentas menyokong hipotesis U-terbalik Kuznets. Misalnya kajian yang telah dijalankan oleh Gillis *et al.* (1996) telah menghasilkan tanda koefisien yang sesuai dengan hipotesis U-Terbalik Kuznets apabila menguji perhubungan antara pekali gini dengan KDNK per kapita dan juga menguji perhubungan antara kumpulan penduduk berpendapatan terendah dengan KDNK per kapita. Namun demikian hasil kajian mereka tidak mencatatkan darjah kesignifikanan pemboleh ubah yang diuji. Kebanyakan data siri masa pula menunjukkan hubungan antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi adalah berbentuk U (Field & Jakubson 1992) atau ketidaktepatan hipotesis-hipotesis lain telah dikemukakan oleh Kuznets (Field 1995).

Artikel ini cuba menilai semula hipotesis U-terbalik Kuznets dengan menggunakan sumber data yang lebih terkini. Data yang akan digunakan merupakan data keratan rentas 37 negara bagi tahun 1992 yang boleh dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu sembilan negara berpendapatan rendah (Ethiopia, Tanzania, Zambia, India, Bangladesh, Kenya, Ivory Coast, Ghana, China), 12 negara berpendapatan pertengahan rendah (Pakistan, Bolivia, Filipina, Sri Lanka, Indonesia, Peru, Poland, Bulgaria, Tunisia, Brazil, Colombia, Thailand), lima negara berpendapatan pertengahan tinggi (Hungary, Mexico, Malaysia, Venezuela, Korea Selatan) dan 11 negara berpendapatan tinggi (Singapura, United Kingdom, Australia, Sweden, Perancis, Kanada, Hong Kong, Jepun, Jerman, Switzerland, Amerika Syarikat). Pemilihan negara-negara ini adalah sesuai kerana mewakili semua tahap pembangunan dengan taburan yang agak seimbang. Kumpulan negara-negara yang sama juga telah digunakan dalam kajian Gillis *et al.* (1996). Perbezaan kajian ini dengan Gillis *et al.* (1996) adalah mereka menggunakan data terkumpul bagi kumpulan negara tersebut (berpendapatan rendah, berpendapatan pertengahan rendah, berpendapatan pertengahan tinggi, berpendapatan tinggi) apabila menguji perhubungan antara pekali Gini dengan KDNK per kapita.

Sumber data adalah dari United Nation Development Programme (UNDP) iaitu dari Human Development Report dan World Bank (World Development Report). Bagi menguji kesahihan hipotesis Kuznets beberapa pemboleh ubah yang digunakan dalam analisis ini termasuklah pekali Gini, milikan pendapatan penduduk 40% termiskin, dan milikan pendapatan penduduk 20% terkaya yang akan digunakan sebagai pemboleh ubah bersandar. Sementara pemboleh ubah bebas pula terdiri daripada keluaran dalam negara kasar per kapita, keluaran negara kasar per kapita dan human development index (HDI). Data bagi pekali Gini diperolehi dari World Development Report 1994 dan Gillis *et al.* (1996).

## KAEDAH PENILAIAN

Kaedah asal yang banyak digunakan oleh pengkaji-pengkaji dalam menguji hipotesis Kuznets adalah dengan menghubungkan pemboleh ubah agihan pendapatan (pekali Gini, milikan pendapatan bahagian penduduk) kepada KDNK per kapita atau KNK per kapita. Hipotesis Kuznets sebenarnya menghubungkan agihan pendapatan dengan tahap pembangunan ekonomi. Pemboleh ubah KDNK atau KNK sering digunakan dalam mengukur pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Namun demikian KDNK per kapita atau KNK per kapita tidak mencukupi dalam

menerangkan konsep pembangunan. Ini kerana pemboleh ubah ini merujuk kepada indikator ekonomi semata-mata. Dalam menilai pembangunan, indikator sosial diperlukan. Menyedari keadaan ini, maka pada tahun 1979, Washington-Based Overseas Development Council (ODC) telah membentuk 'physical quality of life index' (PQLI) yang berasaskan keperluan asas manusia iaitu jangka hayat semasa lahir, kadar kematian bayi dan celik huruf. Pada tahun 1990 pula United Nation Development Programme (UDNP) memperkenalkan human development index (HDI) yang menggabungkan jangka hayat, pencapaian pendidikan (purata tahun bersekolah dan kadar celik huruf) dan KNK perkapita (Gillis *et al.* 1996). Oleh yang demikian KDNK dan HDI merupakan dua pengukuran yang berbeza iaitu HDI lebih menggambarkan pembangunan sebenarnya bagi sesebuah negara kerana memasukkan elemen ekonomi dan sosial. Pengukuran HDI telah mengubah kedudukan negara mengikut pemeringkatan kerana terdapat di kalangan negara dengan KDNK per kapita atau KNK per kapita yang tinggi tetapi mempunyai indeks pembangunan sosial yang rendah.

Berdasarkan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah dinyatakan sebanyak sembilan persamaan regresi akan dianggarkan yang menghubungkan:

1. Pekali gini dengan KDNK per kapita
2. Pekali gini dengan KNK per kapita
3. Pekali gini dengan HDI
4. Penduduk 20% terkaya dengan KDNK per kapita
5. Penduduk 20% terkaya dengan KNK per kapita
6. Penduduk 20% terkaya dengan HDI
7. Penduduk 40% termiskin dengan KDNK per kapita
8. Penduduk 40% termiskin dengan KNK per kapita
9. Penduduk 40% termiskin dengan HDI

Persamaan yang dianggarkan, boleh ditulis seperti di bawah

$$\text{Gini} = \beta_0 + \beta_1 \text{Igdpp}^2 + \mu \quad (1)$$
$$\text{Gini} = \beta_0 + \beta_2 \text{Ignpp} + \beta_2 \text{Ignpp}^2 \quad (2)$$
$$\text{Gini} = \beta_0 + \beta_1 \text{hdi} + \beta_2 \text{hdi}^2 + \mu \quad (3)$$
$$K_{20} = \beta_0 + \beta_1 \text{Igdpp} + \beta_2 \text{Igdpp}^2 + \mu \quad (4)$$
$$K_{20} = \beta_0 + \beta_1 \text{Ignpp} + \beta_2 \text{Ignpp}^2 + \mu \quad (5)$$
$$K_{20} = \beta_0 + \beta_1 \text{hdi} + \beta_2 \text{hdi}^2 + \mu \quad (6)$$
$$M_{40} = \beta_0 + \beta_1 \text{Igdpp} + \beta_2 \text{Igdpp}^2 + \mu \quad (7)$$
$$M_{40} = \beta_0 + \beta_1 \text{Ignpp} + \beta_2 \text{Ignpp}^2 + \mu \quad (8)$$
$$M_{40} = \beta_0 + \beta_1 \text{hdi} + \beta_2 \text{hdi}^2 + \mu \quad (9)$$

dengan

Gini = pekali Gini
Igdpp = natural logarithm KDNK per kapita
Ignpp = natural logarithm KNK per kapita
hdi = human development index
$K_{20}$ = bahagian pendapatan penduduk 20% terkaya.
$M_{40}$ = bahagian pendapatan 40 peratus termiskin
$\mu$ = error term

Penganggaran persamaan (1) hingga (9) menggunakan ordinary least squares (OLS).

## HIPOTESIS

Sekiranya hipotesis U-terbalik Kuznets benar maka

a. Nilai koefisen $\beta_1$ dalam persamaan (1) hingga (6) mestilah positif.
b. Nilai koefisen $\beta_2$ dalam persamaan (1) hingga (6) mestilah negatif.
c. Nilai koefisen $\beta_1$ dalam persamaan (1) hingga (6) mestilah negatif.
d. Nilai koefisen $\beta_2$ dalam persamaan (7) hingga (9) mestilah positif.

## ANALISIS KEPUTUSAN

Sebelum menganalisis keputusan regresi, kita cuba melihat hubungan antara pemboleh ubah yang digunakan secara rajah. Rajah 1 menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara KDNK per kapita dengan HDI. Ini bermakna negara dengan KDNK per kapita yang tinggi mempunyai HDI yang tinggi juga. Perlu diingatkan bahawa salah satu komponen dalam mendapatkan HDI adalah KDNK per kapita itu sendiri.




*Rajah 1: Perhubungan antara Keluaran Dalam Negara Kasar Perkapita dengan Human Development Index*




*Rajah 2: Perhubungan antara pekali Gini dengan Keluaran Dalam Negara Kasar per kapita*




*Rajah 3: Perhubungan antara pekali Gini dengan Human Development Index*




*Rajah 4: Perhubungan antara pekali Gini dengan Human Development Index*

Perhubungan pekali Gini dengan KDNk per kapita KNK per kapita dan HDI adalah tidak konsisten seperti pada Rajah 2 dan Rajah 3. Keadaan ini menggambarkan bahawa terdapat di kalangan negara dengan KDNK per kapita atau KNK per kapita yang rendah mempunyai pekali Gini yang lebih rendah daripada negara lain atau dengan KDNK per kapita atau dan KNK per kapita yang tinggi. Keadaan ini tidak menyokong hipotesis U-terbalik Kuznets.

Begitu juga perhubungan pekali Gini dengan HDI. Terdapat di kalangan negara dengan HDi rendah mempunyai pekali Gini lebih rendah daripada negara lain dengan HDI yang tinggi. Keadaan ini sekali lagi tidak menggambarkan kebenaran hipotesis Kuznets.

Jadual 1 menunjukkan matriks korelasi antara pemboleh ubah yang digunakan dalam analisis regresi. Didapati tidak ada perhubungan yang kuat antara antara pemboleh ubah bersandar Gini dengan gdpp, gnpp dan HDI. Tetapi perhubungannya dengan peratus pendapatan kumpulan penduduk 20% terkaya mempunyai perhubungan positif yang tinggi. Sebaliknya perhubungan Gini dengan peratus pendapatan kumpulan penduduk 40% termiskin adalah negatif dan juga nilainya sangat tinggi.

gdpp dan gnpp mempunyai perhubungan positif yang sangat kuat dengan hdi. Ini bermakna secara keseluruhan semakin tinggi gdpp atau gnpp semakin tinggi pula hdi kerana gnpp merupakan salah satu pengukur hdi. Perhubungan pemboleh ubah lain yang kuat adalah antara peratus pendapatan penduduk 20% terkaya dengan 40% termiskin. Perhubungan secara negatif ini menunjukkan bila bahagian pendapatan penduduk 20 peratus terkaya meningkat, bahagian pendapatan penduduk 40% termiskin akan jatuh.

Dapat diperhatikan dari Jadual 1 bahawa hubungan antara pemboleh ubah bersandar (Gini, K20, M40) dengan pemboleh bebas (gdpp, gnpp, hdi) adalah lemah. Keadaan ini boleh menyebabkan ujian t dalam analisis regresi kurang signifikan. Ini ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 1
Matriks korelasi

| | Gini | Gdpp | Gnpp | Hdi | High | Iow |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Gini | 1.000 | -0.104077 | -0.156791 | -0.128045 | 0.981013 | -0.973873 |
| gdpp | -0.104077 | 1.0000 | 0.946956 | 0.803670 | -0.237518 | -0.021801 |
| gnpp | -0.156791 | 0.946956 | 1.0000 | 0.680543 | -0.285985 | 0.043459 |
| hdi | -0.128045 | 0.803670 | 0.680543 | 1.0000- | 0.209133 | 1.0000 |
| high | 0.981013 | -0.237518 | -0.285985 | -0.209133 | 1.0000 | -0.928340 |
| Iow | -0.973873 | -0.021801 | 0.043459 | 0.014354 | -0.928340 | 1.0000 |

JADUAL 2
Keputusan ujian hipotesis U-terbalik Kuznets

| Pemboleh ubah | Gini | Gini | Gini | $K_{20}$ | $K_{20}$ | $K_{20}$ | $M_{40}$ | $M_{40}$ | $M_{40}$ |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pemalar | 0.286 (0.362) | 0.400 (1.157) | 0.328 (2.249) | 14.269 (0.213) | 40.599 (1.392) | 38.498 (3.123) | 17.151 (0.440) | 16.956 (0.990) | 19.241 (2.647) |
| Igdpp | 0.029 (0.125) | | | 9.075 (0.558) | | | 0.154 (0.016) | | |
| $Igdpp^2$ | -0.002 (-0.187) | | | -0.623 (-0.639) | | | -0.017 (-0.030) | | |
| Ignpp | | 0.0003 (0.003) | | | 2.465 (1.320) | | | 0.071 (-0.017) | |
| $Ignpp^2$ | | -0.0004 (-0.071) | | | -0.224 (-0.459) | | | -0.005 (-0.017) | |
| hdi | | | 0.261 (0.500) | | | 38.099 (0.866) | | | -8.120 (-0.313) |
| $hdi^2$ | | | -0.251 (-0.603) | | | -36.438 (-1.037) | | | 6.761 (0.326) |
| $R^2$ | 0.008 | 0.015 | 0.027 | 0.048 | 0.062 | 0.073 | 0.001 | 0.0001 | 0.003 |

*Nota*: Angka dalam kurungan adalah nilai t - statistik

Nilai $R^2$ bagi kesemua persamaan regresi (1) hingga (9) adalah sangat rendah yang membawa erti sebahagian kecil sahaja variasi pemboleh ubah bersandar dapat diterangkan oleh pemboleh ubah bebas. Dengan kata lain terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi pemboleh ubah bersandar. Nilai t juga secara keseluruhannya tidak signifikan. Walau bagaimanapun tanda koefisen adalah bertepatan dengan hipotesis Kuznets. Contohnya dalam persamaan (1) hingga (3) tanda bagi $\beta_1$ adalah positif dan $\beta_2$ adalah negatif. Ini bermakna pada peringkat gdpp, gnpp atau hdi yang rendah pekali Gini tinggi iaitu ketakseimbangan adalah tinggi. Tetapi bila gdpp, gnpp dan hdi meningkat lagi, pekali Gini turun atau agihan pendapatan menjadi lebih seimbang.

Nilai $\beta_1$ juga positif bagi persamaan (4) hingga (6) yang menunjukkan pada gdpp, gnpp dan hdi rendah, bahagian pendapatan 20% terkaya adalah tinggi. Sementara nilai $\beta_2$ bagi ketiga-tiga persamaan ini adalah negatif yang menunjukkan pada tahap gdpp, gnpp, dan hdi tinggi, milikan pendapatan terkaya jatuh dan agihan pendapatan dan menjadi lebih seimbang. Bagi persamaan peratus pendapatan penduduk 40% termiskin pula, hanya hubungannya dengan hdi yang konsisten dengan hipotesis U-terbalik Kuznets iaitu $\beta_1$ bernilai negatif dan $\beta_2$ bernilai positif. Walau bagaimanapun hubungannya tidak signifikan.

Setakat ini belum terdapat kajian keratan rentas mahupun siri masa yang menghubungkan indikator agihan pendapatan dengan HDI. Kebanyakan kajian menghubungkan indikator agihan pendapatan dengan KDNK per kapita atau KNK per kapita. Oleh itu, keputusan kajian ini tentang hubungan agihan pendapatan dengan HDI tidak dapat dibandingkan dengan kajian lain. Walau bagaimanapun hasil kajian yang dijalankan oleh Gillis *et al.* (1996) dengan menggunakan data keratan rentas dan menghubungkan pekali Gini dengan KDNK per kapita adalah selari dengan keputusan kajian ini iaitu terdapat hubungan positif antara pekali Gini dengan KDNK per kapita dan perhubungan negatif antara pekali Gini dengan KDNK per kapita kuasa dua. Namun demikian kajian Gillis *et al.* (1996) tidak menunjukkan darjah kesignifikan dalam menguji perhubungan tersebut.

Keputusan kajian dalam artikel ini menunjukkan bahawa agihan pendapatan tidak

semata–mata ditentukan oleh tahap pembangunan ekonomi sesebuah negara sama ada mengikut ukuran KDNK per kapita, KNK per kapita atau HDI. Terdapat faktor-faktor lain yang menentukan agihan pendapatan dan faktor-faktor ini sering berubah mengikut tahap pembangunan ekonomi sesebuah negara. Oleh yang demikian, faktor-faktor tersebut perlu dikoordinasikan secara langsung apabila menganggar hubungan antara agihan pendapatan dengan pembangunan ekonomi. Hipotesis U-Terbalik Kuznets mungkin hanya relevan sekiranya tidak ada pengaruh luaran seperti globalisasi, perdagangan antarabangsa, pelaburan langsung asing dan sebagainya yang boleh mempengaruhi pembangunan ekonomi sesebuah negara.

*Faktor-faktor Penentu Agihan Pendapatan*

Dalam membentuk dan menguji hipotesisnya, Kuznets hanya menggunakan satu jenis pemboleh ubah iaitu KDNK per kapita yang dikatakan indikator kepada tingkat pembangunan. Dalam analisis yang lepas kita telah menambah satu lagi jenis pembolehubah iaitu HDI yang dirasakan lebih tepat menggambarkan tingkat pembangunan. Walau bagaimanapun dengan menggunakan data 1992, kedua-dua pemboleh ubah ini tidak mampu menunjukkan perhubungan yang signifikan dengan agihan pendapatan walaupun tanda koefisennya konsisten dengan hipotesis U-terbalik Kuznets.

Sebenarnya terdapat banyak penentu kepada corak agihan pendapatan sesebuah negara. Oleh itu terdapat pengkaji lain yang cuba mengintegrasikan pembolehubah lain ini dalam menganalisis agihan pendapatan misalnya Caniglia (1988) menganggarkan persamaan regresi bagi Amerika Syarikat secara menghubungkan pekali Gini dengan kadar pengangguran, kadar inflasi, kadar penyertaan tenaga buruh, bayaran pindahan dan taburan pencapaian pendidikan.

Hasil kajian beliau menunjukkan kadar pengangguran dan kadar penyertaan tenaga buruh mempunyai hubungan positif dengan nilai Gini, manakala kadar inflasi mempunyai perhubungan yang negatif. Ini menggambarkan peningkatan kadar pengangguran dan kadar penyertaan tenaga buruh meningkat ketakseimbangan agihan pendapatan, manakala peningkatan dalam kadar inflasi membawa kepada agihan pendapatan yang lebih seimbang. Bayaran pindahan kerajaan mempunyai hubungan negatif dengan pekali Gini, manakala variasi dalam pencapaian pendidikan mempunyai hubungan negatif. Ini bermakna semakin tinggi bayaran pindahan semakin kurang jurang agihan pendapatan tetapi perbezaan pencapaian pendidikan meningkatkan ketakseimbangan. Keputusan ini konsisten dengan hasil kajian Hammermesh & Rees (1984) di Amerika Syarikat.

Pengalaman ekonomi Malaysia telah menunjukkan hipotesis U-terbalik Kuznets hanya boleh diaplikasikan sehingga tahun 1990 sahaja. Perhubungan pekali Gini dengan tahap pembangunan ekonomi atau KDNK per kapita bernilai positif dari tempoh 1956 hingga 1976, negatif dari 1976 hingga 1990 dan kembali positif dari 1990 hingga 1997. Bermula tahun 1999 perhubungannya manjadi negatif semula. Ini menunjukkan pendapatan per kapita atau milikan pendapatan bahagian-bahagian penduduk semata-mata tidak cukup dalam menerangkan corak agihan pendapatan di Malaysia. Sebaliknya faktor-faktor seperti bayaran pindahan kerajaan dan tingkat pencapaian pendidikan mempengaruhi agihan pendapatan. Rahmah (2000) telah menguji hubungan pembolehubah ini dengan pekali Gini di Malaysia dengan menggunakan data 1970 hingga 1996 dan mendapati peningkatan kadar celik huruf menurunkan ketakseimbangan agihan pendapatan. Walau bagaimanapun bayaran perpindahan kerajaan, kadar pengangguran, kadar inflasi dan kadar penyertaan tenaga buruh tidak mempengaruhi pekali Gini dengan kuat.

Di samping faktor-faktor ini terdapat faktor yang sukar diukur yang boleh mempengaruhi corak agihan pendapatan seperti transformasi ekonomi, globalisasi dan liberalisasi seperti penswastaan kerajaan dan pengambilan buruh asing. Transformasi ekonomi yang berlaku di Malaysia telah menyebabkan perbezaan upah yang ketara antara sektor pertanian dengan sektor industri. Ini kerana pertumbuhan upah sektor industri jauh lebih tinggi daripada di sektor pertanian dengan pertumbuhan produktivitinya. Dasar liberalisasi kerajaan yang menjurus kepada penswastaan memberi manfaat yang berbeza kepada golongan masyarakat. Terdapat golongan (pemilik modal) mengaut faedah yang lebih manakala yang lain tidak berubah atau rugi. Misalnya pengurangan

pekerjaan kesan penswastaan meningkatkan pengangguran dan membawa kepada agihan pendapatan yang lebih tidak seimbang.

Ketakcukupan buruh domestik menyebabkan ekonomi Malaysia sangat bergantung kepada khidmat buruh asing. Kemasukan mereka terutamanya di peringkat pekerjaan rendah boleh mencetuskan perbezaan upah yang lebih ketara kerana buruh asing ini sanggup menerima upah rendah. Ini membawa kepada situasi agihan pendapatan yang lebih tidak seimbang. Di samping itu perubahan komposisi buruh mahir, separa mahir dan tidak mahir boleh mengubah bahagian pendapatan golongan kaya dan miskin. Keperluan kepada lebih ramai buruh mahir dan separa mahir menyebabkan mereka dibayar skim gaji yang lebih menarik, manakala yang tidak mahir masih di tahap lama.

*Implikasi Dasar*

Analisis dalam artikel ini telah membuktikan tahap pertumbuhan ekonomi yang diukur melalui KDNK per kapita dan pembangunan ekonomi diukur melalui HDI semata-mata tidak mencukupi dalam menerangkan corak agihan pendapatan sesebuah negara. Terdapat faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi agihan pendapatan.

Sebenarnya pertumbuhan ekonomi merupakan prasyarat kepada pembangunan ekonomi. Walau bagaimanapun dalam merangka strategi agihan pendapatan, perkara-perkara lain perlu diberi perhatian. Misalnya kerajaan perlu mengawal dasar penswastaan supaya sektor swasta tidak hanya mengaut keuntungan tanpa mempunyai komitmen sosial.

Kadar pengangguran perlu dikawal secara memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk. Berkait dengan ini juga, soal penawaran tenaga kerja perlu disesuaikan dengan keperluan pasaran supaya tidak timbul masalah dalam mendapatkan pekerjaan. Ini memerlukan perancangan sumber manusia yang teliti.

Bagi mengatasi perbezaan upah yang begitu ketara antara luar bandar perlu dipertingkatkan. Ini boleh dilakukan misalnya melalui peningkatan pendidikan dan latihan serta pengeluaran luar bandar yang lebih bercorak komersial serta pemasaran hasil luar bandar yang lebih berkesan. Di kawasan bandar sendiri atau sektor industri perbezaan upah juga sangat jelas berlaku yang merupakan salah satu penentu agihan pendapatan. Kehadiran ramai pekerja asing dengan kemahiran rendah memburukkan lagi keadaan ini. Oleh itu, mereka seharusnya diberi latihan untuk menjadi pekerja lebih mahir supaya boleh dibayar upah lebih tinggi. Malah penyelesaian kekurangan buruh asing sepatutnya merupakan fenomena jangka pendek. Dalam jangka panjang, kita sepatutnya boleh menyelesaikan masalah ini melalui perancangan tenaga kerja yang rapi.

## KESIMPULAN

Dalam menghuraikan corak agihan pendapatan kita tidak boleh semata-mata berdasarkan tahap pembangunan (KDNK per kapita, KNK per kapita, HDI). Analisis dengan menggunakan data yang lebih terkini tidak mampu menunjukkan hubungan yang signifikan antara agihan pendapatan dengan tahap pembangunan. Oleh itu faktor-faktor lain perlu diambil kira dalam merangka dasar dan strategi agihan pendapatan di samping mencapai tingkat pertumbuhan ekonomi (output) yang tinggi.

## RUJUKAN


Ahluwalia, M. S. 1976. Inequality, poverty and development. *Journal of Develoment Economics* **3(4)**: 307-342.

Caniglia, A. S. 1988. Inequality in educational attainment and distribution of income. *Journal Review of Business* **10(2)**: 5-10.

Compano, F. & D. Salvatore. 1988. Economic development, income inequality and kuznets U-shaped hypothesis. *Journal of Policy Modelling* **10(2)**: 265-280.

Daly, M. C., A. D. Crews &. R. V. Burkhauser. 1997. A new look at the distributional effects of economic growth during the 1980s: a comparative study of the united states and Germany. *FRBSF Economic Review* **2**: 18-3.

Duncan G.J., T.M. Smeeding & W. Rodger. 1992. Whiter and Middle Class? A Dynamic View. Income Policy Studies Paper 1. Center for Policy Research, the Maxwell School, New York: Syracuse University.

Field, G.S. 1995. Income Distribution in Developing Economies: Conceptual, Data and Policy Issues in Broad-Based Growth. Dalam *Critical Issues in Asian Development: Theories, Experience and Policies.* Disunting oleh Quibria, M.G. ADB: Oxford University Press.

FIELD, G.S. & G.H. JAKUBSON. 1992. New Evidence on the Kuznets' curve. Conference paper presented at the *Conference on Growth and Income Distribution.* Paris.

GILLIS, M., D.H. PERKINS, M. ROEMER & D.R. SNODGRASS. 1996. *Economic of Development.* 4th. Edition. New York, W.W. Norton.

GREENWOODS, J. & B. JOVANOVIC. 1990. Financial development, growth and the distribution of income. *Journal of Political Economy* 1077-1093.

HAMMERMESH, D. S. & A. REES. 1984. *The Economic of Work and Pay.* New York: Harper & Row Publishers.

HASSAN Hj. ALI & RAHMAH ISMAIL. 1996. Hubungan antara Pertumbuhan Ekonomi dengan Agihan Pendapatan: Kes Malaysia. Dalam *Kemiskinan Dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia.* Disunting oleh Chamsuri Siwar & Nor Aini Idris. Bangi: Penerbit UKM.

KUZNETS, S. 1955. Economic growth and income inequality *American Economic Review* **45(1)**: 1-28.

KUZNETS, S. 1963. Quantitative aspect of the economic growth of nations. *Economic Development and Cultural Change* **1(2)**: 1-80.

PAUKERT, F. 1973. Income distribution at different level of development: a survey of evidence. *International Labour Review* 97-125.

PADAMEAN HUTASUHUT. 1993. Impak program pembangunan sektor pertanian terhadap pertumbuhan, agihan pendapatan dan kemiskinan di Sumatra Utara, Tesis Sarjana, Fakulti Ekonomi, UKM.

RAHMAH ISMAIL. 2000. Educational attainment and income distribution in Malaysia. *Journal of Humanomics* **16(2)**: 19-40. UCCB, Kanada.

SAITH, A. 1983. Development and distribution. A critique of the cross-county U-hypothesis. *Journal of Development Economics* **13(3)**: 367-382.

SUMMERS, R. & A. HESTON. 1991. The Penn world table (Mark 5): an expanded set of international comparison, 1950-1988. *Quaterly Journal of Economics* **106(2)**: 327-368.

UNDP 1997. Human Development Report 1997.

WORLD BANK. 1997. World Development Reports 1997.

(*Diterima: 29 Disember 1999*)